

## WAKAF PERUMAHAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI: PELAKSANAANNYA MENURUT MAQASID SYARIAH

### WAQF HOUSING IN ECONOMIC DEVELOPMENT: ITS IMPLEMENTATION FROM MAQASID SHARIAH PERSPECTIVE

Farhana Mohamad Suhaimi<sup>i</sup> & Azman Ab Rahman<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Malaysia, [farhanams@usim.edu.my](mailto:farhanams@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Malaysia, [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

Abstrak	Abstract
<p>Wakaf merupakan salah satu medium kebajikan yang unik dan luas. Tidak hanya tertumpu kepada pembangunan kerohanian, wakaf juga meliputi sebarang bentuk kebajikan yang memberi manfaat kepada masyarakat, apatah lagi yang dapat memberi penyelesaian kepada permasalahan rakyat, seperti isu perumahan. Artikel ini akan membincangkan bagaimana wakaf berfungsi dalam memenuhi keperluan perumahan dalam pembangunan ekonomi dan pelaksanaannya menurut Maqasid Syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber pengumpulan data daripada artikel jurnal dan dokumen berkaitan wakaf dan perumahan di Malaysia dan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati penyediaan perumahan menerusi bantuan wakaf dapat membantu menyediakan ruang tempat tinggal yang lebih selesa kepada masyarakat dengan harga lebih mampu milik berbanding harga pasaran. Namun, perundangan berhubung wakaf perumahan perlu dibangunkan agar hak pengguna, pemaju, penyedia pembiayaan kewangan, pemegang amanah</p>	<p>Waqf is one of the unique and comprehensive welfare mediums. Not only focusing on spiritual development, but waqf also covers any form of charity that benefits society, and give solutions to the people problems, such as housing issues. This article will discuss how waqf works in meeting housing needs in economic development and its implementation, according to Maqasid Syariah. This study is a qualitative study. Data collection sources from journals and documents related to waqf and housing in Malaysia were extensively analysed using content analysis methods. The findings suggest that housing provision through waqf assistance assists more comfortable living space to the public at a more affordable price than the market prices. However, legislation on waqf housing needs to be developed to ensure consumers, developers, financial providers, trustees and donors' rights to be adequately taken care.</p> <p><b>Keywords:</b> waqf, waqf or housing, maqasid or waqf, waqf economy</p>

<p>serta pewakaf dapat dipelihara dengan sewajarnya.</p> <p><b>Kata kunci:</b> wakaf, wakaf perumahan, maqasid wakaf, ekonomi wakaf</p>	
---	--

**PENDAHULUAN**


Wakaf bermaksud menahan atau menyerahkan harta atau manfaatnya untuk tujuan kebajikan, dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t. Wakaf merupakan salah satu amalan sedekah jariah iaitu sedekah yang mempunyai ganjaran pahala yang berterusan selagi mana harta atau manfaat daripada harta yang diwakafkan digunakan untuk tujuan kebaikan, seperti mana hadis Nabi Muhammad s.a.w. dalam Sahih Muslim.

Mafhumnya: Daripada Abu Hurairah r.a telah berkata, bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Apabila telah mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan doa dari anak yang soleh”.

Sarjana Islam telah mentafsirkan bahawa sedekah jariah dalam hadis ini termasuklah mewakafkan harta pada jalan Allah. Hal ini disebabkan manfaat daripada harta yang diwakafkan yang terus kekal untuk kegunaan orang ramai walaupun setelah kematian pewakaf.

Menurut jumbuh ulama’ selain Hana’fiah, hukum mewakafkan harta adalah sunat dan termasuk di dalam kategori sedekah yang disunatkan (التطوع) berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan di atas dan wakaf dikategorikan sebagai akad lazim. Manakala di sisi Hana’fiah, hukum berwakaf adalah harus, bersandarkan kepada dalil bahawa sah mewakafkan walaupun bukan beragama Islam menurut pandangan ini. Secara umumnya wakaf terbahagi kepada beberapa bahagian mengikut jenis harta yang diwakafkan, tujuan wakaf, dan penerima wakaf seperti dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Pembahagian Jenis Wakaf**



Sumber: Kajian lapangan.

## **Definisi Wakaf Perumahan**

Berdasarkan Kamus Dewan, perkataan wakaf membawa maksud sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam, seperti membina telaga untuk kegunaan orang ramai atau mendirikan masjid bagi keperluan agama (Kamus Dewan, 2007). Manakala perkataan perumahan membawa maksud kumpulan rumah; tempat tinggal atau hal mengenai rumah (Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), 2019). Gabungan dua perkataan ini iaitu wakaf dan perumahan pula akan membawa maksud sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam, seperti membina rumah untuk kegunaan orang ramai. Dalam erti kata lain, wakaf perumahan bermaksud harta atau manfaat yang diwakafkan untuk tujuan perumahan.

Antara bentuk wakaf perumahan yang sedia ada adalah tanah, bangunan dan wang tunai yang diwakafkan dan kemudiannya dibangunkan untuk tujuan perumahan. Wakaf perumahan ini dikategorikan sebagai wakaf khas sekiranya pewakaf telah menetapkan syarat ke atas tujuan harta yang diwakafkan olehnya. Manakala, sekiranya pewakaf tidak meletakkan tujuan yang khas, maka wakaf jenis ini dikategorikan sebagai wakaf am atau umum, yang dibangunkan oleh pemegang amanah berdasarkan kemaslahatan ummah antaranya, dengan melihat kepada keperluan utama masyarakat.

## **ISU PERUMAHAN DI MALAYSIA**

Perumahan merupakan satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi dan menjadi dasar setiap kerajaan untuk menyediakan rumah kepada rakyat, termasuklah Malaysia. Di Malaysia, kajian unjuran keperluan perumahan dan penawaran sering dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan perumahan rakyat Malaysia. Namun, harga rumah di Malaysia mencatatkan peningkatan yang lebih cepat daripada pertumbuhan pendapatan isi rumah.

Menurut Cheah Su Ling et.al (2017) berdasarkan harga rumah median semasa, kebanyakan rakyat Malaysia tidak mampu membeli rumah. Antara faktor yang menyumbang kepada tidak kemampuan perumahan di kalangan rakyat Malaysia adalah kerana bekalan rumah yang tidak memenuhi permintaan berikutan bekalan dan permintaan yang tidak sepadan, bekalan rumah baharu lebih banyak tertumpu pada jenis rumah berharga tinggi dan kadar kenaikan harga rumah melebihi kadar peningkatan pendapatan isi rumah. Rentetan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga mendapati kebanyakan golongan B40 mempunyai isi rumah antara lima orang dan enam orang, menetap di dalam rumah bersaiz 650 kaki persegi (Berita Harian, 2018).

Antara usaha untuk mengurangkan kos perumahan bagi memastikan harga rumah dapat dikurangkan ke paras yang lebih mampu milik adalah dengan mengurangkan kos tanah. Ini memandangkan kos tanah di pusat bandar dan sekitarnya yang amat tinggi. Sedangkan, lokasi di pusat bandar ini mempunyai permintaan paling tinggi (Cheah Su Ling dan Stefanie Joan Almeida, 2016). Oleh itu, artikel ini akan melihat bagaimana wakaf membantu dalam masalah perumahan di Malaysia selari dengan objektif pensyariaan wakaf yang menggalakkan kebaikan dan kemaslahatan untuk ummah.

### **Peranan Pemerintah dalam Isu Perumahan**

Menurut Imam Al-Ghazali, negara dan agama adalah tunggak tidak yang dapat dipisahkan daripada tertib masyarakat. Agama adalah asas dan sultan atau pemerintah adalah pelaksana dan pelindungnya. Sebarang tiang tanpa asas akan menjadi lemah, dan jika tidak dilindungi, ia boleh runtuh. Al-Mawardi berpandangan kerajaan berperanan sebagai sebuah institusi yang akan mengawal dan menjaga manusia dari kejahatan dan kezaliman. Tanpa kerajaan, masyarakat akan menjalani kehidupan dalam cara yang tamak, rasuah dan zalim (Murat Piçak, 2013).

Kerajaan perlu berperanan dan memainkan tiga fungsi utama sebagai pemerintah dengan memastikan keadilan sosial, menjamin keadilan ekonomi, dan memberi perlindungan dan keselamatan kepada rakyatnya (Muhammad Umer Chapra, 2007; M. Nejatullah Siddiqi, 1981; Monzer Kahf, 1991). Bagi memastikan keadilan sosial dicapai, kerajaan perlu memastikan rakyat dapat menikmati keperluan asas hidup, termasuklah mereka yang berada bawah paras kemiskinan.

Keperluan asas hidup seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan serta kesihatan adalah perkara penting yang perlu diselesaikan bagi memastikan rakyat hidup secara harmoni. Dalam ekonomi Islam, selain cukai dan zakat, wakaf juga berpotensi menyumbang kepada pembiayaan awam. Ini dibuktikan dengan sejarah Islam, wakaf telah membantu kerajaan dalam membiayai kemudahan dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, pembangunan ekonomi, perumahan dan kesihatan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber utama pengumpulan data digunakan daripada dokumen, buku, jurnal dan tesis berkaitan kajian ini. Selain itu, data dari laman sesawang berkaitan kajian juga dikumpulkan untuk mendapatkan maklumat wakaf perumahan. Data-data tersebut kemudiannya diteliti bagi menapis dan mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan sahaja untuk kajian ini. Maklumat kajian yang diperoleh

dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan membahagikan mengikut tema kajian.

## **KEPERLUAN WAKAF PERUMAHAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI**

Todaro dan Smith (2006) menjelaskan bahawa pembangunan sesebuah negara merupakan suatu proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan besar antaranya dalam struktur sosial, sikap, dan institusi kerajaan. Pembangunan mestilah menggambarkan pembaikan yang berlaku dalam sistem sosial baik dari aspek kebendaan dan juga spiritual. Justeru, pembangunan ekonomi sesebuah negara mestilah mengambil kira peningkatan hidup yang sedang dijalani dan kebebasan yang dinikmati oleh masyarakat (Amartya Sen, 1999). Goulet (1971) telah menggariskan antara komponen asas yang diperlukan manusia adalah kemampuan untuk mendapatkan keperluan asas iaitu makanan, tempat tinggal, kesihatan dan perlindungan. Nor Aini dan Ishak (2009) menyebut bahawa keterbatasan mendapatkan keperluan asas di kalangan golongan miskin termasuklah perumahan yang selesa akan memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, masalah perumahan yang dialami di Malaysia antaranya adalah bekalan rumah yang tidak sepadan dengan permintaan. Ini berikutan kebanyakan bekalan rumah tertumpu kepada jenis rumah berharga tinggi sedangkan, kadar kenaikan harga rumah melebihi kadar peningkatan pendapatan isi rumah. Oleh yang demikian, masyarakat tidak mempunyai pilihan atau ketandusan pilihan untuk mendiami rumah yang selesa dan bersesuaian dengan pendapatan isi rumah.

Justeru wakaf perumahan dilihat sebagai salah satu alternatif dalam menyediakan perumahan yang selesa kepada masyarakat dengan harga yang berpatutan. Menerusi pembinaan perumahan atas tanah wakaf, kos perumahan dapat dikurangkan ke paras yang lebih mampu sewa/milik. Ini memandangkan kos tanah menjadi rendah atau tiada kerana merupakan tanah wakaf. Walaupun terdapat projek wakaf perumahan yang dibangunkan atas tujuan komersial, namun kebiasaannya kos perumahan tersebut masih lebih murah dan berpatutan. Apatah lagi, sekiranya projek wakaf perumahan ini dibangunkan di pusat bandar dan sekitarnya. Selain itu, permintaan rumah di lokasi pusat bandar dan sekitarnya yang sememangnya tinggi menjadikan bekalan rumah yang disediakan di kawasan berkenaan juga terlalu mahal. Oleh itu, wakaf perumahan di lokasi pusat bandar akan membantu memenuhi keperluan masyarakat untuk mendiami rumah berdekatan dengan harga yang berpatutan.

Projek wakaf perumahan ini juga tidak hanya memfokuskan kepada golongan susah atau bawah 40, malah kepelbagaian segmen projek wakaf perumahan membuktikan wakaf adalah bersifat inklusif untuk semua golongan termasuk untuk golongan pertengahan dan atas, selagi mana pewakaf tidak menetapkan sebarang syarat yang khusus. Selain itu, penjanaaan sumber daripada hasil pajakan atau sewaan projek perumahan yang dibangunkan atas harta wakaf ini akan diuruskan oleh pemegang amanah wakaf untuk tujuan pembangunan ummah.

### **KEPERLUAN WAKAF PERUMAHAN MENURUT MAQASID SYARIAH**

Maqasid Syariah ialah tujuan dan hikmah yang telah ditetapkan Allah S.W.T. untuk mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat, memelihara undang-undang dan seterusnya untuk memakmurkan dunia sehingga mencapai tahap kesempurnaan, kemajuan dan ketamadunan yang tinggi. Ibn al-Asyur mentakrifkan maqasid sebagai pengertian dan hikmah yang ditunjukkan oleh al-Syari' (Allah) dalam semua aspek pensyariaan atau kebanyakannya di mana tidak hanya didapati di dalam bahagian tertentu hukum syariat sahaja. Menurut 'Ial al-Fasi, maqasid adalah matlamat atau tujuan syariat dan rahsia-rahsia yang ditentukan oleh Allah pada setiap peraturannya. Al-Shatibi dalam kitabnya al-Muwafaqat Fi Usul al-Shariah, menyatakan selain untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan manusia dalam kehidupan di dunia, ia juga bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka.

Berdasarkan takrif maqasid, sarjana Islam telah menetapkan matlamat utama syariat Islam adalah memelihara kemaslahatan (kepentingan) manusia di dunia dan akhirat dan dibahagikan kepada tiga bentuk kepentingan, seperti berikut;

1. Maslahat asas (*Daruriyah*) adalah maslahat yang menjadi objektif Syarak, iaitu menjaga agama, nyawa (diri), akal, keturunan, dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asas yang amat diperlukan oleh setiap manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia akan menjadi sulit. Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai mafsadah.
2. Maslahat kedua (*Hajiyat*) adalah perkara-perkara yang diperlukan kepadanya dari segi mengangkat kesulitan dalam kehidupan seharian. Kewujudan perkara ini akan memudahkan urusan kehidupan manusia, namun ketiadaannya atau kehilangannya akan menyukarkan manusia.

3. Masalahat ketiga (*Tahsiniyat*) merupakan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan *darurriyah* dan *hajiyat*, tetapi membawa kepada kelancaran, kecantikan dan kesempurnaan dalam kehidupan seharian.

Dalam ekonomi Islam, masalahat utama (*Daruriyah*) yang ingin dicapai dalam Maqasid Syariah adalah memenuhi keperluan asas manusia untuk hidup dan memastikan kesejahteraan dan kebajikan setiap individu terpelihara. Tempat perlindungan, makanan, pakaian, akses kesihatan dan keselamatan yang merupakan perkara *dharuri* yang mesti dipenuhi untuk seseorang hidup dengan baik dan sejahtera.

Kegagalan dalam memenuhi keperluan tersebut akan menggugat survival kehidupan seorang manusia. Pramanik (1997) menyatakan bahawa sesebuah negara Islam perlu memastikan setiap individu berhak untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan jaminan keselamatan diri dan harta. AbulHasan (1990) menekankan usaha ke arah pembangunan manusia perlu dititikberatkan secara menyeluruh kerana manusia adalah agen penggerak kepada pembangunan ekonomi termasuklah memenuhi keperluan asas manusia dan peningkatan taraf hidup ke arah lebih baik. Menjadi tanggungjawab pemerintah atau kerajaan bagi memastikan keperluan asas tersebut dapat dinikmati setiap rakyatnya. Malah, bagi golongan yang tidak berkemampuan untuk memilikinya secara sendiri, pemerintah bertanggungjawab untuk membantu dan menyediakan keperluan asas tersebut bagi mereka (Al-Shātibī, t.t).

Justeru, selain makanan, pendidikan, kesihatan dan perlindungan, tempat tinggal atau perumahan juga merupakan perkara asas yang perlu ada dalam hidup seorang manusia. Kepentingan perumahan juga telah disebut oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad (15409).

Mafhumnya: Daripada Nafi' bin Abd Harith r.a. berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Antara perkara yang membahagiakan seorang manusia adalah: jiran tetangga yang soleh, tunggangan (kenderaan) yang selesa, dan tempat tinggal yang lapang".

Antara hadis lain yang turut menukilkan sabda Rasulullah s.a.w berkenaan rumah yang selesa.

Mafhumnya: Daripada Muhammad bin Sa'ad bin Abi Waqqas daripada ayahnya berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya antara perkara yang membahagiakan itu ialah tunggangan yang baik, tempat tinggal yang selesa dan isteri yang solehah. Antara perkara yang menyeksakan ialah kenderaan yang buruk, tempat tinggal yang tidak selesa, dan isteri yang buruk

(perangainya)". (Riwayat Tabrani, Bab Ikram al-Quraysh wa Ghayr Dzalik, jil.1, ms.146, no.329).

Keperluan perumahan yang selesa akan menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih baik dan sihat. Ini merupakan antara matlamat pembangunan ekonomi Islam yang mengukur pembangunan daripada aspek pembangunan kebendaan dan juga pembangunan kerohanian, yang mana matlamat utama adalah memuliakan martabat manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat (Nik Mustapha, 1999).

Keperluan perumahan boleh dikategorikan dalam perkara *Daruriyyah*. Dalam konteks *hifz an-nafs* secara kolektifnya membawa maksud betapa pentingnya memenuhi keperluan asas seorang manusia sebagai kelangsungan hidupnya. Ini termasuklah mempunyai rumah atau tempat perlindungan yang selesa untuk didiami sejajar dengan matlamat pembangunan ekonomi.

Selain itu, dalam konteks *hifz al-mal*, pelaksanaan wakaf perumahan turut memastikan pengurusan harta wakaf dibangunkan untuk kemaslahatan ummah. Ini juga sejajar dengan matlamat pembangunan ekonomi Islam yang menekankan penggunaan sumber secara optimum dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan dan maslahat ummah. Pembangunan hartanah baik untuk kediaman atau premis perniagaan di atas tanah yang diwakafkan memberi peluang kepada masyarakat untuk memiliki kediaman serta pusat komersial pada harga lebih rendah berbanding harga di pasaran sekarang. Secara tidak langsung projek wakaf perumahan yang dibangunkan dapat memberi peluang semua lapisan masyarakat memiliki kediaman secara pajakan pada harga mampu milik selain dapat menambah baik kualiti hidup serta ekonomi umat Islam.

## PELAKSANAAN WAKAF PERUMAHAN DI MALAYSIA DAN CABARANNYA

Antara projek wakaf perumahan yang telah dilaksanakan di Malaysia adalah Rumah Pangsa Al-Ehsan di Melaka, Projek Taman Perumahan Seetee Aisah di Pulau Pinang, dan Projek Perumahan PWS-UME di Selangor. Projek Rumah Pangsa Al-Ehsan dibangunkan atas kawasan seluas 1.31 ekar di Lot 82 Tengker, daerah Melaka Tengah. Projek ini telah dibiayai oleh Tabung Amanah Saham Wakaf dan merangkumi 40 unit kediaman dan 14 unit kedai. Projek ini bertujuan membantu golongan miskin dan ibu tunggal meningkatkan taraf kehidupan dengan mendiami rumah yang lebih selesa dengan bayaran sewa yang rendah (Asmak Ab Rahman, 2009).

Projek Taman Perumahan Seetee Aisah pula dibangunkan atas tanah wakaf berkeluasan 9.86 ekar yang telah diwakafkan oleh Seetee Aisah Haji Mahmood pada tahun 1901. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



(MAINPP) selaku pemegang amanah wakaf telah membangunkan tanah tersebut dengan kerjasama UDA Land North Sdn Bhd bagi membina sembilan unit kedai tiga tingkat dan 76 unit rumah teres dua tingkat (Hydzulkifli Hashim & Asmak Ab. Rahman, 2012).

Selain itu, Projek Perumahan PWS-UME didirikan atas tanah wakaf yang ditadbir oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Lima projek perumahan UME iaitu UME Teratai Avenue dan UME Ehsan Residence di Shah Alam serta UME Impian Taman Desa Kencana, UME Idaman Taman Desa Kencana dan UME Gemersik terletak di Klang. Projek perumahan komersial ini merangkumi rumah dan lot kedai yang dijual dengan harga berpatutan dan mampu milik berkonsepkan *al-ijarah* dan *tawarruq* pajakan 99 tahun. Penjualan unit ini dikhususkan kepada pembeli beragama Islam. Setiap projek ini dibangunkan di kawasan sedang pesat membangun dengan kewujudan banyak kemudahan fasiliti seperti sekolah, hospital, pasar raya dan pusat perniagaan (Selangorkini, 2016).

Walaupun berdepan dengan cabaran dalam pelaksanaan projek wakaf perumahan ini, komitmen yang ditunjukkan oleh pemegang amanah wakaf yang menjayakan projek ini seharusnya dicontohi. Kesukaran mendapatkan dana daripada institusi kewangan kerana status tanah, kesediaan pemaju sebagai rakan kerjasama (projek sosial), serta mengenal pasti lokasi yang strategik bersesuaian dengan keluasan tanah wakaf antara cabaran yang perlu dihadapi. Ini memandangkan dalam memajukan projek wakaf perumahan ini, pemaju dan pemegang amanah perlu memahami dan menghidupkan objektif wakaf dan memastikan prinsip wakaf terpelihara. Membangunkan projek wakaf perumahan ini bukan hanya sekadar soal keuntungan malah maslahat ummah adalah lebih utama. Ini berkemungkinan juga akan menyebabkan kekangan kepada pemaju untuk memikul tanggungjawab ini. Justeru, usaha pemaju seperti UDA Land dalam membangunkan projek perumahan di Pulau Pinang, Tanah Wakaf Seetee Aisah yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) antara contoh terbaik projek wakaf perumahan di Malaysia dan menjadi panduan kepada projek wakaf perumahan yang lain.

Selain itu, perundangan berhubung wakaf perumahan adalah antara perkara penting perlu diberi tumpuan segera agar hak pengguna, pemaju, penyedia pembiayaan kewangan, pemegang amanah serta pewakaf dapat dipelihara dengan sewajarnya. Ini juga menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyelesaikan isu perumahan rakyat selari dengan hasrat kerajaan untuk memperbanyakkan lagi projek wakaf perumahan ini. Kerjasama yang erat antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri amat diperlukan dalam mengatasi isu perumahan rakyat di Malaysia menerusi projek wakaf perumahan.

## KESIMPULAN

Membangunkan wakaf perumahan merupakan salah satu langkah penyelesaian dalam mengurangkan kos pembinaan perumahan, memandangkan kos tanah yang lebih rendah apatah lagi di lokasi pusat bandar. Malah menerusi projek wakaf ini, bekalan rumah yang sepadan dengan permintaan dapat disediakan untuk keselesaan masyarakat. Kemudahan di kawasan perumahan juga dapat dibangunkan seperti taman permainan, dewan komuniti, surau dan sebagainya selagi mana kemudahan ini memberi manfaat kepada masyarakat. Perumahan yang selesa akan menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih baik dan sihat. Ini selari dengan Maqasid Syariah serta matlamat pembangunan ekonomi Islam. Peningkatan kualiti hidup masyarakat turut akan memberi kesan kepada suasana sosial dan ekonomi negara ke arah yang lebih baik. Usaha memperkasakan wakaf perumahan menerusi perundangan perlu dimulakan bagi menjamin kelestarian wakaf perumahan di Malaysia dan memartabatkan maqasid wakaf yang menggalakkan kebaikan dan kebajikan.

## RUJUKAN

Al-Shātibī, 'Abū Ishāq, *Al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah*, cet. ke 7, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Amartya Sen, *Development as Freedom dalam Economic Development*, England: Pearson Education Limited, Edisi ke-9, 1999.

Berita Harian, "Bina rumah mampu milik di tanah wakaf", <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/504389/bina-rumah-mampu-milik-di-tanah-wakaf>, 2018.

Cheah Su Ling, Stefanie Joan Almeida & Ho Su Wei, "Rumah Mampu Milik: Cabaran dan Langkah Ke Hadapan", Suku Keempat 2017, Buletin Suku Tahunan BNM, [http://www.bnm.gov.my/files/publication/qb/2017/Q4/p3\\_ren1\\_bm.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/qb/2017/Q4/p3_ren1_bm.pdf), 2017.

Denis Goulet, *Cruel Choice dalam Economic Development*, England: Pearson Education Limited, Edisi. ke-9, 1971

Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, *Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.

Hydzulkifli Hashim & Asmak Ab. Rahman, "Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aishah", *IJMS* 19 (2), 103–123 (2012)  
Kamus Dewan, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, C. ke-2, 2007.

Michael P. Todaro & Stephen C. Smith, *Economic Development*, England: Pearson Education Limited, 2006.

Mohammad Nejatullah Siddiqi, *Muslim Economic Thinking – A Survey of Contemporary Literature*, Leicester: Islamic Foundation, 1981.

Monzer Kahf, "The economic role of state in Islam" (Kertas kerja, Seminar on Islamic Economics, Dhakka, Bangladesh, 1991), dicapai 22 September 2014,  
[http://monzer.kahf.com/papers/english/economic\\_role\\_of\\_state\\_in\\_islam.pdf](http://monzer.kahf.com/papers/english/economic_role_of_state_in_islam.pdf), 2014.

Muhammad Umer Chapra, *Islam and Economic Development: A Strategy for Development with Justice and Stability*, Adam Publishers, 2007.

Murat Piçak, Bahar Burtan Doğan & Abdullah Oğrak, "Abu Al-Hasan Al-Mawardi's views on economic policies", *Current Research Journal of Economic Theory* 5(3, 2013), 56-65

Muslim, *Abū al-Ḥusīn Muslim al-Ḥujjāj al-Qushāirī al-Nisāburī* (t.w 261H), *Ṣaḥīḥ Muslim, Abū Ṣāḥīb al-Karmī (taḥqīq)*, 'Ammān: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah, 1998.

Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 1, h.1-16, 1999.

Nor Aini Idris & Ishak Yussof, "Ekonomi Malaysia dalam Konteks Pembangunan Seimbang", dalam Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (eds.), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2009.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM),  
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perumahan>, 2019.

Selangorkini, <https://selangorkini.my/2016/02/mais-bangunkan-lima-projek-pembangunan-hartanah-wakaf/>, 2016.

Mohamad, S. and Ab Rahman, A. and Sharifah Hayaati, S.I, Kesejahteraan Ummah Dan Agihan Semula Kekayaan Menurut Perspektif Islam. In: Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam. (Unpublished), <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/3128>, 2010.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*